



■TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sedang menerima satu cenderamata dari Pengerusi Seminar 'Pengurusan di Malaysia,' Encik Ahmad Nizam Salleh selepas beliau merasmikan seminar tersebut di ITM, Shah Alam semalam. — Gambar Berita Harian.

Peranan sektor swasta belum memuaskan, tak dapat dibiarkan: Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin — Sektor swasta masih tidak memainkan peranan seperti yang diharapkan dan Kerajaan tidak dapat membiarkan keadaan ini berterusan.

Ketika menyebut demikian, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihak swasta masih tidak dapat me-

enuhi peranannya yang dirancangan oleh kerajaan semenjak merdeka.

"Sektor swasta kenalah bertindak lebih aktif lagi," kata Dr. Mahathir ketika merasmikan seminar "Pengurusan di Malaysia" di Institut Teknologi MARA di Shah Alam.

Katanya, pada masa negara ini mencapai kemerdekaan, mutu pengurusan dalam bahagian

swasta amat lemah dan ini menjadi salah satu sebab mengapa kerajaan terpaksa memikul segala beban perancangan pembangunan negara.

"Saya perhatikan bahawa sehingga masa ini dalam setiap rancangan lima tahun yang telah diadakan sejak merdeka pihak swasta tidak dapat memenuhi peranannya yang telah dirancangan oleh kerajaan dengan sepenuhnya.

"Keadaan ini tidak dapat dibiarkan berterusan. Oleh sebab harapan rakyat semakin meningkat usaha pembangunan negara mesti memainkan peranan yang lebih aktif.

"Dalam Rancangan Malaysia Ketiga umpamanya peranan sektor swasta telah dititikberatkan dan melebihi peranannya dalam rancangan-rancangan lima tahun yang lepas," katanya.

Beliau lalu mengesyorkan supaya firma-firma yang mengamalkan pengurusan 'perniagaan secara berkeluarga' (family business) mengubah sikapnya mengikut zaman.

Dato Seri Dr. Mahathir menerangkan bahawa Malaysia yang menggalakkan sistem perusahaannya bebas sedang memerhatikan perkembangan perniagaan yang besar-besaran seperti supermarket yang dapat mengatasi tarikan kedai-kedai persembelian.

Beliau berpendapat, sudah tiba masanya bagi dewan-dewan perniagaan meneliti perkembangan perniagaan mereka agar sejajar dengan keadaan masa moden ini.